



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	13/12/2018	MUKA SURAT	: 10
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

10 kamera pemantau kesan harimau

LIPIS - Penduduk Kampung Teluk Gunung, Merapoh di sini berharap pemasangan 10 kamera oleh Jabatan Pelindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk mengesan harimau bakal membuah hasil dengan tertangkapnya haiwan berkenaan.

Kesemua kamera tersebut dipasang pada pagi semalam di sekitar ladang kelapa sawit, kebun getah, dusun buah-buahan serta kawasan tanah pertanian di kampung itu.

Pengusaha tanah pertanian di kampung tersebut, Muhammad Suki Daud, 54, berkata, pemasangan kamera itu diharap berjaya mengenal pasti laluan serta menangkap dua ekor ha-

Penduduk makin takut ancaman harimau belang

Perhilitan pasang 10 kamera untuk memantau kesan harimau belang di Merapoh.

Perhilitan memasang 10 kamera untuk memantau kesan harimau belang di Merapoh. Kamera-kamera tersebut dipasang di kawasan ladang kelapa sawit, kebun getah, dusun buah-buahan serta kawasan tanah pertanian di kampung itu.

KERATAN Kosmo!
11 Disember 2018.

rimau berkenaan yang membaham lembu ternakan penduduk pada Sabtu lalu.

"Masing-masing (penduduk) masih takut untuk ke kebun. Kami sangat berharap harimau itu dapat ditangkap tidak lama lagi" katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Kosmo! pada Isnin lalu melaporkan keresahan



KAKITANGAN Perhilitan memasang kamera untuk mengesan harimau di Kampung Teluk Gunung, Merapoh semalam.

penduduk Kampung Teluk Gunung di sini selepas mereka menemui bangkai lembu separuh badan dengan kesan dibaham haiwan buas pada pukul 11.30 pagi, Ahad lepas.

Pengarah Perhilitan Pahang, Ahmad Azhar Mo-

hamed berkata, pemasangan kamera tersebut dilakukan untuk mengenal pasti laluan haiwan buas dipercayai dua ekor harimau yang membaham lembu ternakan milik penduduk di kampung tersebut.